



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**Kemudahan Tuntutan Elaun Makan Bagi Juruiring/  
Pengawal Peribadi/ Pengiring Rapat**

---

**PERBENDAHARAAN MALAYSIA**

## **KANDUNGAN**

<b>ELAUN DAN BAYARAN ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM.....</b>	<b>2</b>
<b>WP 1.7/2013 Kemudahan Tuntutan Elaun Makan Bagi Juruiring/ Pengawal Peribadi/ Pengiring Rapat.....</b>	<b>2</b>

## **ELAUN DAN BAYARAN ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM**

### **WP 1.7/2013 Kemudahan Tuntutan Elaun Makan Bagi Juruiring/ Pengawal Peribadi/ Pengiring Rapat**

1. Perbendaharaan bersetuju meluluskan kemudahan Elaun Makan kepada Juruiring/Pengawal Peribadi/Pengiring Rapat semasa bertugas rasmi di dalam negara berdasarkan kadar bertugas rasmi di bawah Pekeliling Perbendaharaan WP 1.5/2013 Kadar Dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Kepada Pegawai Perkhidmatan Polis Diraja Malaysia Kerana Menjalankan Tugas Rasmi.
2. Kemudahan ini turut dipanjangkan kepada anggota Angkatan Tentera Malaysia yang menjalankan tugas sebagai Juruiring/Pengawal Peribadi/Pengiring Rapat.
3. Ketua Jabatan hendaklah memastikan dan mengesahkan bahawa tuntutan yang dikemukakan adalah teratur, munasabah dan berpatutan.
4. Di samping itu, Perbendaharaan juga bersetuju memberi kelulusan khas supaya bayaran tuntutan Elaun Makan kepada pegawai di atas yang tidak teratur sebelum ini tidak perlu dikutip balik.